KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI MTIB DAN PELANCARAN BUKU ANATOMI & PENGECAMAN KAYU MALAYSIA

YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi hari ini telah menyempurnakan Majlis Apresiasi MTIB Dan Pelancaran Buku Anatomi & Pengecaman Kayu Malaysia. Program ini telah dianjurkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bertempat di Vivatel Hotel pada 24 April 2025.

Pada 1 Jun 2025, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) akan menyambut ulang tahun ke-52 penubuhannya. Sepanjang tempoh tersebut, MTIB telah memberi sumbangan besar dalam pembangunan industri perkayuan negara, yang seterusnya menyumbang kepada pendapatan negara. Dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, eksport produk kayu negara mencatatkan nilai sebanyak RM22 bilion, manakala import pula berjumlah RM4 bilion.

Kini, industri kayu dan perabot Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang positif, apabila eksport produk kayu negara mencecah RM22.9 bilion pada tahun 2024, meningkat sebanyak 4.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai import kayu dan produk kayu pula mencatatkan peningkatan sebanyak 13.2%, dengan jumlah RM8.5 bilion berbanding tahun 2023.Dalam ucapannya, YB Menteri menekankan kepentingan industri perkayuan sebagai salah satu penyumbang utama dalam sektor agrikomoditi negara.

Pihak Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sentiasa komited dalam meningkatkan daya saing dan penglibatan Bumiputera dalam industri ini. Sehingga bulan November 2024, sebanyak 830 buah syarikat Bumiputera telah berdaftar dengan industri perkayuan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 buah syarikat telah berjaya menembusi pasaran eksport. Sasaran kita adalah untuk melihat lebih banyak syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa dan terus mengharumkan nama Malaysia sebagai peneraju dalam industri ini.

Seramai 30 orang warga kerja MTIB telah dipilih oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia 1 (PPSM 1) untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berdasarkan kepada prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2024.

Highlight utama majlis adalah Pelancaran Buku Anatomi & Pengecaman Kayu Malaysia. Buku tersebut merupakan sumber pembelajaran, rujukan dan panduan terhadap asas pengecaman dan sifat anatomi kayu yang akan digunakan oleh warga kerja MTIB, pihak industri dan pihak-pihak berkepentingan termasuk institusi Pendidikan. Ianya membantu dalam memajukan bidang pengecaman kayu, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan sumber hutan serta menyumbang kepada pembangunan teknologi kayu yang lebih inovatif dan lestari.

Selain itu, majlis turut merakamkan penghargaan kepada pejabat cawangan MTIB yang menerima Penarafan Bintang Audit and Control Self-Assessment (ACSA). Penarafan Bintang ACSA merupakan anugerah yang diberikan kepada pejabat cawangan MTIB. ACSA adalah merupakan aktiviti pengauditan yang dilaksanakan sendiri oleh pejabat MTIB di cawangan dengan berpandukan kepada format yang disediakan berserta pemantauan dan tindakan susulan yang berterusan dari Unit Audit Dalam MTIB. Objektif program ACSA adalah untuk menilai dan mengukur prestasi pejabat cawangan, menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pejabat cawangan dan sebagai motivasi untuk melaksanakan tugas dengan lebih berdedikasi.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
22 APRIL 2025